



**GARIS PANDUAN**  
**PERMOHONAN PEMBANGUNAN HOTEL**  
**BAJET DI KAWASAN PEMBANGUNAN**  
**SEDIADA DI SEBERANG PERAI**

Diluluskan Oleh :  
**Mesyuarat Majlis Penuh Ke – 463 (1/2013) pada 25 Januari 2013**

Disediakan Oleh :  
**Majlis Bandaraya Seberang Perai**

# **GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBANGUNAN HOTEL BAJET DI KAWASAN PEMBANGUNAN SEDIADA DI SEBERANG PERAI**

## **1. SYARAT – SYARAT UMUM**

Pembangunan Hotel Bajet hanya dibenarkan beroperasi di kawasan pembangunan perniagaan sahaja. Ianya boleh dicadangkan di semua jenis unit perniagaan tanpa mengira lot tepi ataupun di lot pertengahan

## **2. SYARAT – SYARAT KHUSUS**

### **2.1 Minima Unit Yang Dibenarkan**

Berdasarkan kepada keperluan yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba iaitu berkenaan dengan penyediaan laluan kecemasan dan tangga kedua. Bilangan unit minima yang dibenarkan untuk pembangunan Hotel Bajet adalah 2 unit bagi unit – unit pertengahan dan seunit bagi lot – lot tepi

### **2.2 Tambahan Tingkat**

Tiada tambahan tingkat yang dibenarkan bagi unit – unit pertengahan dan tambahan 1 tingkat dibenarkan bagi unit – unit tepi bagi mewujudkan pandangan latar langit (skyline) yang harmoni

### **2.3 Piawaian Tempat Letak Kereta**

Piawaian yang akan digunakan bagi menentukan bilangan TLK adalah seperti yang telah diluluskan oleh Majlis Penuh pada 28 Disember 1989 iaitu: -

- 1 petak letak kereta bagi 4 bilik tidur untuk 100 bilik tidur pertama
- 1 petak letak kereta bagi 6 bilik tidur untuk 101 – 200 bilik tidur

### **2.3 Piawaian Tempat Letak Kereta Bagi Pembangunan Sediada**

Pengiraan TLK bagi pembangunan sediada mestilah mengikut pengiraan semasa permohonan tersebut diluluskan dahulu. Ianya adalah berdasarkan: -

- 1 petak letak kereta = 1,000 kaki persegi luas lantai; atau
- 1 petak letak kereta = 500 kaki persegi luas lantai

### **2.4 Pengiraan Tempat Letak Kereta Bagi Pembangunan Yang Dicapadangkan**

Untuk pengiraan TLK yang dicadangkan bagi pembangunan Hotel Bajet adalah seperti berikut: -

- (Pengiraan di para 2.3) – (pengiraan di para 2.4) = x petak

X petak ini boleh jadi lebih atau kekurangan. Seandainya ianya menunjukkan kekurangan, maka pemohon adalah dikehendaki membayar sumbangan bagi bilangan unit TLK yang tidak dapat disediakan mengikut harga nilai Jabatan Penilaian Majlis

#### **2.4 Caj Pembangunan**

Pembayaran caj pembangunan bagi setiap kaki persegi RM7 bagi pembangunan yang membuat tambahan tingkat